

## BAB 3

### KITAB *TAFSIR QUR'AN MARBAWI*

#### 3.1 PENGENALAN

Kitab *Tafsir Quran Marbawi* merupakan salah satu hasil karya penulisan al-Marbawi dalam bidang tafsir. Walaupun beliau lebih tersohor melalui hasil karya-karya hadis, namun beliau tidak mengeneipkan sumbangan dalam bidang tafsir. Kitab ini ditulis dalam tulisan jawi dan menggunakan bahasa Melayu lama keseluruhannya. Penulisan tafsir ini dilakukan mengikut susunan surah-surah di dalam al-Quran.<sup>1</sup> Hasil kajian mendapati, hanya dua buah *Tafsir Quran Marbawi* sahaja ditemui iaitu *Tafsir Quran Marbawi Juzuk Alif Lām Mim* dan *Tafsir Quran Marbawi Surah Yāsin*. Kedua-dua buah tafsir tersebut ditulis dengan menggunakan metodologi yang berbeza. Keterangan bagi kedua-dua buah tafsir tersebut akan dinyatakan secara berasingan.

#### 3.2 *TAFSIR QURAN MARBAWI JUZUK ALIF LĀM MĪM*

Kitab tafsir ini ditulis semasa al-Marbawi berada di Mesir. Ia dinamakan sebagai *Tafsir Quran Marbawi Juzuk Alif Lām Mīm* kerana terkandung di dalamnya tafsiran lengkap surah al-Baqarah yang merangkumi 3 juzuk al-Quran dan mengandungi 204 halaman. Beliau menulis tafsir surah al-Baqarah secara berperingkat.

---

<sup>1</sup> Menurut menantu al-Marbawi iaitu Sheikh Haji Mohd Ghazali bin Haji Abdul Wahid, beliau menulis lengkap tafsiran keseluruhan surah-surah di dalam al-Quran tetapi tidak sempat diterbitkan dan berada dalam simpanan allahyarhamah anak beliau, ustazah Mariam. Sehingga ke hari temubual dilakukan, karya tersebut tidak ditemui selepas isterinya kembali ke rahmatullah.

Peringkat pertama adalah penulisan tafsir juzuk pertama iaitu dari ayat 1 surah al-Fatihah hingga ayat 141 surah al-Baqarah.<sup>2</sup> Seterusnya, beliau menulis tafsiran bagi juzuk kedua, bermula ayat 141 hingga ayat 252<sup>3</sup> dan peringkat ketiga adalah penulisan tafsir bagi ayat 253 hingga selesai surah al-Baqarah yang merangkumi sebahagian juzuk ketiga al-Quran. Al-Marbawi menyatakan tarikh selesai penulisan kitab tafsir ini di bahagian bawah halaman iaitu pada malam Isnin 22 Rabiul Awal 1357 H.<sup>4</sup> Al-Marbawi mengambil masa kira-kira 2 bulan untuk menyelesaikan penulisan tafsir surah al-Baqarah berdasarkan tarikh-tarikh yang dinyatakan dalam kitab tafsir tersebut.

### 3.2.1 FAKTOR PENULISAN

Al-Marbawi merupakan anak Melayu pertama mempunyai percetakan sendiri di Mesir. Percetakan tersebut bertujuan menerbitkan kitab-kitab bagi membantu akademik pelajar Malaysia yang menuntut di Universiti al-Azhar yang mengalami kesukaran memahami kitab-kitab yang menggunakan bahasa Arab sepenuhnya. Kesukaran tersebut menjadi faktor penulisan kitab *Tafsir Quran Marbawi*. Faktor ini dibuktikan berdasarkan keterangan beliau dalam ruangan ‘Faedah Tafsir’ dalam kitab tafsir tersebut iaitu “*jikalau seorang penuntut tiada tahu atau lupa atau kesamaran apa makna dan faham satu kalimah atau ayat Qur’aniyah, dengan tafsir ini insyaAllah dapat tahu apa yang lupa dan kesamaran makna dan faham itu*”.<sup>5</sup> Kenyataan tersebut membuktikan bahawa matlamat penulisan tafsir ini adalah bagi membantu para pelajar memahaminya dan menjadi faktor utama penulisan kitab tafsir tersebut.

---

<sup>2</sup> Beliau akan menyatakan keterangan penulisan tafsir telah disempurnakan pada bahagian akhir ayat juzuk pertama dan menyatakan penulisan tafsir juzuk seterusnya. Mohamed Idris al-Marbawi (1938), *Tafsir Quran Marbawi Juzuk Alif Lam Mim*, Kaherah : Matba’ah Marbawiyah

<sup>3</sup> Tafsiran juzuk ini selesai ditulis pada hari jumaat 13 rabiul awal tahun 1357. *Ibid.*, h. 172

<sup>4</sup> *Ibid.*, h. 204

<sup>5</sup> *Ibid.*, h. 4

### 3.2.2 CETAKAN

Karya *Tafsir Quran Marbawi Juzuk Alif Lām Mīm* ini dicetak pada bulan Safar 1357 H bersamaan bulan April 1938 M. Kitab ini dicetak di Matba'ah Marbawiyah yang terletak di Kota Kaherah, Mesir iaitu percetakan al-Marbawi sendiri. Terdapat dua versi cetakan iaitu versi cetakan berjilid kain dan cetakan berjilid kertas. Masing-masing dijual pada harga yang berbeza di mana ceatakan berjilid kain dijual pada harga 60 sen manakala harga cetakan kulit kertas pula adalah 50 sen.<sup>6</sup>

### 3.2.3 TEKNIK PENYUSUNAN KITAB

Penyusunan kitab tafsir ini dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian pendahuluan dan bahagian tafsiran ayat.

#### i) Bahagian Pendahuluan<sup>7</sup>

Bahagian ini dimulai dengan lafaz "بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ" pada bahagian atas muka surat diikuti kata-kata aluan sebagai pendahuluan pada perenggan pertama. Seterusnya pengarang menyatakan faedah-faedah menggunakan tafsir tersebut dan diakhiri dengan dengan ucapan " *Maka kepadanya hamba berharap taufik atas jalan yang benar dan kepadanya hamba bergantung dan bertawakkal innahu 'ala ma yasya' qadir wa bil ijabah jadiri.* Pada halaman berikutnya pula dinyatakan kaedah memakai tafsir tersebut

---

<sup>6</sup> Keterangan tersebut diperolehi berdasarkan iklan dalam kitab *Idangan Guru Sahih al-Bukhari wa Muslim* karangan al-Marbawi dalam bidang hadis

<sup>7</sup> *Ibid.*, h. ب dan ج

sebagai panduan pembaca dan menyatakan bahan-bahan rujukan yang digunakan semasa mentafsir ayat-ayat al-Quran.

Bagi memudahkan para pembaca tafsir ini, beliau turut membuat senarai kandungan di bawah tajuk “*Fihrasat ayat*” yang merangkumi kandungan halaman surah al-Fatihah dan surah al-Baqarah.<sup>8</sup> Isi kandungan perbincangan bagi setiap halaman tafsiran ayat turut dinyatakan di bawah tajuk “*Kandungan di dalam juzuk alif lam mim*”. Sebagai contoh, pada halaman satu tersebut dinyatakan kandungannya iaitu “*Kelebihan surah al-Fatihah dan Khasiatnya*” begitulah seterusnya pada halaman-halaman berikutnya. Kaedah ini turut memudahkan para pembaca yang ingin mencari perbincangan terhadap ayat-ayat tertentu berdasarkan senarai kandungan ayat tersebut.

## ii) Bahagian Tafsiran Ayat

Pengarang telah memulakan bahagian ini dengan menyatakan nama surah, bilangan ayat serta kedudukannya sama ada ayat *Makkiyah* atau *Madaniyah* dalam bahasa Arab. Kemudian pengarang menjelaskan tempat penurunan surah serta jumlah ayat yang terkandung dalam surah tersebut dalam bahasa Melayu. Bagi surah al-Fatihah, pengarang memberikan penjelasan terperinci tentang kelebihan serta keistimewaan mengamalkan surah tersebut dalam amalan seharian.

Seterusnya pengarang memulakan tafsiran ayat dengan lafaz kalimah basmalah yang diletakkan dalam kurungan beserta huraian dan penjelasan terhadap keutamaan

---

<sup>8</sup> *Ibid.*, h. 5

memulakan setiap pekerjaan dengan basmalah. Huraian terhadap kalimah basmalah tidak lagi dilakukan pada kalimah basmalah dalam surah al-Baqarah tetapi sekadar terjemahan kalimah dalam bahasa Melayu sahaja.

Semua bahagian ayat-ayat al-Quran diletakkan dalam kurungan seperti ini [ ] yang didahului dengan nombor ayat dan disusuli dengan bahagian terjemahan ayat. Kedua-dua bahagian tersebut diletakkan dalam satu perenggan. Teks tafsir pula diletakkan pada perenggan baru dan berada di luar kurungan. Kaedah ini digunakan bagi membezakan antara ayat al-Quran dan tafsiran.

Nombor bagi setiap ayat-al-Quran pula ditulis dalam tulisan Arab pada setiap permulaan ayat iaitu sebelum kurungan yang mengandungi ayat al-Quran dan nombor tersebut diletakkan agak terkeluar sedikit dari keseluruhan perenggan. Kedudukan nombor tersebut ditulis sedemikian berkemungkinan untuk memperlihatkan perbezaan antara ayat sebelum dan selepasnya. Sebelum ayat-ayat al-Quran ditafsir dan dihurai, terjemahan ayat dalam bahasa Melayu dinyatakan terlebih dahulu dengan menggunakan perkataan “ertinya” selepas tanda kurungan. Bentuk penulisan ini adalah konsisten dari mula tafsiran hinggalah akhir.

#### **3.2.4 KAEDAH PENGGUNAAN KITAB**

Bagi memudahkan para pembaca untuk menggunakan tafsir ini, al-Marbawi ada menyatakan kaedahnya pada halaman pendahuluan sebelum *Fihrasat Ayat*. Kaedah tersebut dinyatakan dalam tiga kaedah dan keterangannya adalah seperti di bawah :

[1] *Jikalau hendak mencari tafsir satu-satu ayat atau satu kalimat lebih dahulu lihat Kamus Ayat Quraniyyah yang bernama Fath al-Rahman atau lainnya, cari padanya nombor ayat yang hendak dituntut itu, di dalam surah apa?. Kemudian lihatlah Fihrasat Ayat di tafsir ini di safhah mana ia? Dalam surah apa ? Dalam juzu' ke berapa ?*

[2] *Jikalau jumpa di dalam tafsir ini perkataan begini : (lihat ayat 45 surah al-Baqarah) mathalan. Maka haruslah engkau lihat akan dia kerana ada kalanya tafsirnya lebih menerangkan, atau ayat Qurannya bertambah memberi faham atau ada faedah yang bertali mali antara dua ayat itu.*

[3] *Tempat ambil tafsir ini daripada Tafsir Fakhr al-Razi dan Tafsir Khazin-Baydawi-Nasafi-dan Ibn 'Abbas dan Tafsir Jalalayn : Jikalau seseorang itu amat-amat kehendak kehendak tafsir ini nescaya dapatlah di sana*

### **3.3 TAFSIR QURAN MARBAWI SURAH YĀSIN**

*Tafsir Quran Marbawi Surah Yasīn* juga merupakan karya tafsir al-Marbawi dan penulisan tafsir ini berasingan daripada *Tafsir Quran Marbawi Juzuk Alif Lām Mīm*. Kitab tafsir ini mengandungi tafsiran surah Yasin sahaja yang mengandungi himpunan 574 masalah yang berkaitan dengan hukum-hukum al-Quran. Al-Marbawi menulis tafsir ini ketika berada di Mesir dan selesai menulisnya pada tahun 1966 sewaktu berusia 73 tahun.<sup>9</sup> Karya tafsir ini adalah hasil gabung jalin tafsiran daripada beberapa buah kitab tafsir terkenal dan dimurnikan lagi kandungannya dengan gaya penulisan al-Marbawi tersendiri.

#### **3.3.1 FAKTOR PENULISAN**

Semasa al-Marbawi berada di Mesir, beliau banyak menghabiskan masanya dengan membaca pelbagai karya agung ulama terdahulu dalam pelbagai bidang ilmu dan dalam

---

<sup>9</sup> Muhammad Idris al-Marbawi ( 1964), *Tafsir Quran Marbawi Surah Yāsin*, Mesir : Matba'ah al-Anwār, h. 226

masa yang sama beliau menghasilkan pelbagai karya penulisan dalam bidang hadis , terjemahan kitab Arab, tafsir dan lain-lain lagi.

Antara karya tafsir yang menjadi bahan bacaannya ialah *Tafsīr al-Qurṭubī* dan *Tafsīr Surah Yasīn* karangan imam Fakhr al-Dīn al-Rāzī yang cukup terkenal dan masyhur. Al-Marbawi amat mengkagumi isi kandungan kedua-dua buah tafsir tersebut sehingga mendorong beliau untuk mengalih bahasa ke dalam bahasa Melayu.<sup>10</sup> Berkat keazaman dan kegigihan beliau, lahirlah sebuah lagi karya tafsir beliau yang dinamakan sebagai *Tafsīr Qur'an Marbawi Surah Yasīn* berbentuk huraian masalah hukum yang terkandung di dalamnya.

### 3.3.2 CETAKAN

Cetakan pertama kitab ini pada bulan Sya'ban 1383 H bersamaan bulan Januari 1964 M seperti yang tertera di muka hadapan kitab tafsir tersebut.. Berbeza dengan *Tafsīr Qur'an Marbawi Juzuk Alif Lām Mīm*, kitab ini dicetak di Matba'ah al-Anwār iaitu percetakan yang dimiliki oleh sahabatnya semasa berada di Mesir.

### 3.3.3 TEKNIK PENYUSUNAN KITAB

Teknik penyusunan kitab tafsir ini didapati berbeza dengan teknik al-Marbawi dalam *Tafsīr Quran Marbawi Juzuk Alif Lām Mīm*. Kenyataan ini diakui oleh beliau sendiri di mana penyusunan dan penulisan kitab ini lebih mudah difahami. Kitab ini mengandungi

---

<sup>10</sup> Halaman pendahuluan kitab

226 halaman tafsiran dan 12 halaman isi kandungan buku. Teknik persembahan kitab ini menyamai kitab-kitab tafsir yang lain.

Bentuk penyusunan kitab tersebut terbahagi kepada tiga bahagian iaitu bahagian pendahuluan, bahagian tafsiran ayat dan bahagian *fihrasat* buku.

i) Bahagian Pendahuluan

Bahagian ini merupakan bahagian pendahuluan kitab yang mengandungi kata-kata aluan al-Marbawi yang dimulakan dengan lafaz "بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ" dan seterusnya dengan kalimah puji-pujian seperti kelaziman pengarang-pengarang kitab yang lain. Al-Marbawi dalam kata-kata aluan tersebut menyatakan faktor penulisan kitab tersebut, kaedah menggunakan kitab dan rujukan yang beliau gunakan sepanjang menulis kitab tersebut.

ii) Bahagian Tafsiran Ayat

Secara umumnya, pada bahagian ini al-Marbawi meletakkan ayat al-Quran beserta terjemahannya di dalam bahasa Melayu pada bahagian atas halaman manakala perbahasan mengenai sesuatu ayat diletakkan di bahagian bawah dengan menggunakan garisan lurus sebagai pemisah bagi menunjukkan perbezaan antara ayat al-Quran dan perbahasan. Setiap perbahasan diletakkan nombor dengan menggunakan roman Arab dalam kurungan [ ]. Nombor yang diletakkan di awal setiap perbahasan adalah bersambungan walaupun telah



memasuki tafsiran ayat yang lain. Penggunaan perkataan ‘masalah’ pula digunakan bagi mewakili isu-isu perbahasan yang terkandung dalam sesuatu ayat.

Sebagai contoh. Al-Marbawi telah memulakan bahagian ini dengan tafsiran kalimah *بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ* . dan terjemahannya dalam bahasa Melayu di bawahnya.

Seterusnya al-Marbawi menyatakan nama surah, tempat turun ayat, bilangan ayat, bilangan kalimah dan bilangan huruf yang terkandung di dalamnya. Dengan menggunakan perenggan baru, beliau memulakan perbahasan terhadap masalah-masalah yang terkandung dalam kalimah *basmalah*. Apabila selesai perbahasan terhadap masalah pertama, beliau meneruskan perbahasan kedua dalam perenggan yang lain. Perbahasan terhadap kalimah *basmalah* sahaja, al-Marbawi membawakan 68 jenis masalah yang setiap satunya adalah berbeza isu perbahasannya.

Perbahasan terhadap ayat seterusnya pula dapat dikesan apabila bahagian atas pada sesuatu halaman tersebut dinyatakan sambungan ayat al-Quran serta terjemahannya seperti yang telah dinyatakan tadi manakala nombor perbahasannya adalah bersambungan dengan perbahasan sebelumnya.

Bilangan ayat dan bilangan masalah yang dibahaskan pula adalah tidak tetap adakalanya satu ayat sahaja dan adakalanya lebih daripada itu. Sebagai contoh, perbahasan ayat 1 hingga 3 dalam surah Yasin dibincang dalam 13 jenis masalah bermula ‘masalah 70’ hinggalah ‘masalah 82’. Pada perbahasan ayat seterusnya iaitu ayat 4, hanya satu ayat sahaja dan dibahaskan dalam lima jenis masalah.

iii) Bahagian *Fihrasat* atau halaman buku

al-Marbawi meletakkan bahagian ini pada bahagian belakang kitab dengan menggunakan aturan huruf *hija'iyah*. Dalam bahagian ini, al-marbawi menggunakan pendekatan isi kandungan berdasarkan masalah perbahasan bukannya senarai kandungan ayat. Pengarang menyenaraikan masalah perbahasan serta nombor halaman diujungnya dan masalah perbahasan tersebut disusun berdasarkan huruf pertama perkataan mengikut aturan huruf *hija'iyah* bermula dengan huruf 'alif' hingalah huruf 'ya'.

Secara keseluruhannya, bentuk penyusunan pada bahagian ini menggunakan teknik penyusunan kamus di mana pembaca dapat mencari perbahasan ayat berdasarkan tema ayat sahaja bersesuaian dengan matlamat al-Marbawi dalam penulisan kitab ini untuk menentengahkan perbahasan hukum-hukum al-Quran yang terkandung dalam surah Yasin.

### 3.3.4 KAEDAH PENGGUNAAN KITAB

Berbeza dengan *Tafsir Quran Marbawi Juzuk Alif Lām Mīm*, kaedah penggunaan tafsir ini dinyatakan dengan ringkas dan padat. Beliau menyatakan kaedah tersebut seperti berikut:

*...dengan tafsir yang teratur cara baru, yang mudah faham dan senang mengambil ingat dan mengetahui apa isinya dan masalah-masalahnya, daripada hukum-hukum syara' dan khabar-khabar dan sebab-sebab turun ayat-ayatnya dan lainnya. Semua masalah itu diberi nombor, mudah-mudahan boleh puas hati orang yang pangkat bawah dan pertengahan pada ilmu ugama Islam.*

Berdasarkan petikan di atas, beliau menyatakan bahawa setiap masalah yang berkaitan dengan hukum-hukum syara' yang terkandung dalam surah Yasin dapat diperolehi berdasarkan nombor-nombor yang diletakkan pada setiap perbahasan. Bagi menacapai tujuan tersebut, senarai kandungan yang dibuat mengikut bentuk kamus amat membantu para pembaca memperolehinya.

### **3.4 SUMBER RUJUKAN *TAFSIR QUR'AN MARBAWI***

Menjadi suatu kelaziman bagi setiap pengarang tafsir menjadikan para ulama' tafsir terdahulu serta kitabnya sebagai sumber rujukan utama dalam menafsirkan ayat-ayat al-Quran. Begitu juga dengan al-Marbawi tidak mengeneipkan tradisi ini bagi memastikan tafsiran yang dilakukan tidak terpesong dan menyalahi akidah. Beliau menyatakan sumber rujukan yang digunakannya adalah dari kitab-kitab tafsir muktabar seperti yang tertera dalam halaman kaedah menggunakan tafsir tersebut manakala petikan hadis-hadis nabi pula diambil dari kitab-kitab hadis bagi yang utama.

#### **3.4.1 RUJUKAN TAFSIR**

Antara rujukan kitab-kitab tafsir yang digunakan al-Marbawi ialah *Tafsir al-Kabīr*, *Tafsir al-Khāzin*, *Tafsir Baydāwī*, *Tafsir al-Nasafī*, *Tafsir Jalālayn*, *Tafsir Ibn 'Abbās*, *Tafsīr Qurtubī* atau *al-Jāmi' li Ahkām al-Qurān*, *Tafsīr Abū al-Su'ūd* atau *Irsyād al-'Aql al-Salīm ila Mazāya al-Kitāb al-Karīm* dan *Tafsīr al-Ṭabarī* atau *Jāmi' al-Bayan fī Tafsīr al-Quran*.

### 3.4.1.1 *Tafsir al-Kabīr*<sup>11</sup>

*Tafsir al-Kabīr* atau nama lainnya *Mafātīḥ al-Ghayb* atau *Tafsīr al-Fakhr al-Rāzi*, merupakan hasil karya imam Fakhr al-Rāzī. Nama sebenar beliau ialah Abū ‘Abd Allah Muḥammad bin ‘Umar bin al-Ḥusayn bin al-Ḥasan bin ‘Alī al-Tamīmī al-Rāzī yang lahir pada tahun 544 H dan meninggal dunia pada tahun 606 H.

Sepanjang hayatnya, beliau sempat menghasilkan 67 buah karya dalam pelbagai bidang dan 8 buah buku lagi tidak sempat disempurnakan penulisannya.<sup>12</sup> Beliau juga sempat mengarang kitab tafsir *Mafātīḥ al-Ghayb* dari surah al-Fatihah hinggalah surah al-Anbiya’ kemudian disempurnakan tafsirannya oleh imam Najm al-Dīn al-Makhzūmī al-Qamūlī yang wafat pada tahun 727 H. Menurut al-Dhahabī, pengarang tafsir ini, sangat mementingkan aspek munasabat ayat al-Quran dan munasabat antara surah-surah dalam al-Quran. Para ulama’ tafsir menyatakan kedudukan kitab tafsir ini adalah *tafsīr bi al-Ra’y* yang diharuskan.<sup>13</sup>

Hampir kebanyakan ayat-ayat yang dihurai adalah berpandukan kepada kitab tafsir ini.<sup>14</sup> Antara rujukan beliau terhadap kitab tafsir ini ialah:

1. Semasa beliau menghurai ayat 12, surah Yasin beliau merujuk *Tafsīr al-Kabīr* bermula dengan perbincangan ‘Masalah 132’ hinggalah ‘Masalah 137’. Sebagai contoh pada perbincangan ‘Masalah 132’, beliau merujuk kitab berkenaan yang

<sup>11</sup> Fakhr al-Dīn al-Rāzī (1990) *al-Tafsīr al-Kabīr aw Mafātīḥ al-Ghayb*, j. 1. Beirut : Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah h. turjumah

<sup>12</sup> Antara hasil karya yang tidak sempat disempurnakan penulisannya ialah kitab *Syarh Kulliyāt al-Qānūn*, kitab *Syarh Wajīz al-Ghazālī*, kitab *Fī Ibtāl al-Qiyās*, kitab *al-Jāmi’ al-Kabīr fi al-Ṭīb* dan banyak lagi

<sup>13</sup> Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī (2000), *al-Tafsīr wa al-Mufasssīrūn*, Beirut : Dar al-Yusuf, j. 1, h. 302

<sup>14</sup> Contoh-contoh lain boleh ditemui dalam *Tafsir Quran Marbawi Surah Yasin* dalam setiap halaman.

menyatakan bahawa setiap amalan seseorang hamba telah ditulis semasa hayatnya untuk diperhitungkan pada hari Kiamat nanti<sup>15</sup>

2. Semasa beliau menghurai ayat 37, surah Yasin, iaitu tentang kejadian malam dan siang sebagai tanda kekuasaan Allah yang merangkumi perbincangan ‘Masalah 274’ hingga ‘Masalah 277’, beliau merujuk kitab *Tafsīr al-Kabīr*. Kata al-Rāzī : “ Ketika Allah memberi petunjuk akan dalil kekuasaan-Nya dengan segala perkara di bumi, maka Allah datangkan pula petunjuk kewujudan malam dan siang...”<sup>16</sup>

#### 3.4.1.2 *Tafsīr al-Khāzin*

Nama sebenar kitab ini adalah “*Lubāb al-Ta’wīl fi Ma’ānī al-Tanzīl*” tetapi lebih dikenali dengan *Tafsīr al-Khāzin* iaitu sempena nama pengarang kitab ini. Pengarang kitab ini ialah ‘Alī al-Dīn Abū al-Ḥasan ‘Alī Ibn Ibrāhīm Ibn Umar Ibn Khalīl al-Syaykhī al-Baghdādī. Beliau terkenal dengan gelaran *al-Khāzin* dan dilahirkan di Baghdad pada tahun 678 H. Beliau merupakan seorang ulama’ sufi dan banyak menghasilkan kitab-kitab dalam bidang tafsir dan tasawuf. Beliau meninggal dunia pada tahun 741 H di Madinah.

Kitab tafsir ini merupakan rumusan daripada kitab “*Ma’ālim al-Tanzīl*” karangan imam al-Baghāwī. Dalam kitab ini , beliau telah menghimpunkan nukilan-nukilan beberapa tafsir dan membuang beberapa sanad untuk mengelakkan huraian panjang lebar. Beliau turut memuatkan hadis-hadis yang berunsurkan pengajaran ,nasihat ,kisah-kisah sejarah dan

---

<sup>15</sup> Al-Marbawi (1964),*op.cit*, h. 51-52 dalam ‘Masalah 132-137’; al-Rāzī (1981),*Tafsīr al-Fakhr al-Rāzī*, j.26, c. 1. Dār al-Fikr, h. 49

<sup>16</sup> *Ibid.*, h. 106-108, al-Rāzī, *ibid.*, h. 69-70

riwayat Israiliyyat. Kitab ini merupakan salah satu rujukan utama para ulama khususnya bagi merujuk kisah-kisah Israiliyyat yang berkaitan dengan ayat.<sup>17</sup>

Al-Marbawi turut merujuk kepada kitab ini ketika menghurai ayat-ayat al-Quran. Namun, kekerapan beliau merujuk kitab ini amat sedikit berbanding rujukan beliau terhadap *Tafsīr al-Kabīr*.<sup>18</sup> Berikut adalah contoh rujukan beliau terhadap tafsir ini:<sup>19</sup>

1. Semasa menghurai ayat 13, surah Yasin iaitu ayat yang mengisahkan tentang suatu kejadian ketika utusan-utusan Allah (Rasul) datang ke sebuah kampung. Beliau merujuk *Tafsīr al-Khāzin* yang berbunyi : “.Nabi Isa a.s telah mengutus dua orang pesuruhnya dari golongan *Hawariyyin* ke penduduk kampung *Anṭakiyyah* dan apabila hampir keduanya tiba di kampung tersebut, mereka ternampak seorang tua sedang menggembala kambing. Namanya Habib al-Najjar. Lalu mereka memberi salam sebagaimana kebiasaannya. Orang tua itu menjawab salam seraya bertanya: “ Siapakah anda berdua ini ?” Jawab utusan tersebut: “Kami adalah utusan nabi Isa A.S, kami menyeru orang-orang yang menyembah berhala (Aathan) kepada menyembah Allah”. Habib al-Najjar bertanya: “ Apakah bukti yang menyatakan kamu ini utusan nabi Isa?”. Jawab utusan tersebut: “Ya, kami boleh menyembuhkan orang sakit ,boleh menyembuhkan orang buta dan juga penyakit kusta dengan izin Allah”. Kata Habib al-Najjar: “ Aku mempunyai seorang anak lelaki yang sakit semenjak berumur 2 tahun, cubalah sembuhkan”. Jawab utusan tersebut: “Marilah kita

---

<sup>17</sup> Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī (2000),*op.cit.*, h. 310-316

<sup>18</sup> Lihat juga pada perbincangan ayat 6, 12, dan 69 pada halaman 31,47 dan 203. al-Marbawi (1964).*op.cit.*, h.51-52

<sup>19</sup> Contoh-contoh lain boleh didapati pada halaman 22, h. 23, h. 55, h. 61-62, h. 64

pergi”. Maka pergilah kedua utusan tersebut ke rumah orang tua tersebut dan apabila sampai di sana disapukan dengan tangan pada anak tersebut dan dengan izin Allah sembuhlah penyakitnya dengan sekelip mata berdiri sihat. Maka berimanlah Habib al-Najjar.<sup>20</sup>

2. Semasa menghurai ayat 12, surah Yasin iaitu khusus kepada firman Allah yang bermaksud “perbuatan yang mereka tinggalkan”, beliau telah membawakan riwayat Abu Sa’id al-Khudri r.a dari *Tafsīr al-Khāzin* yang menyentuh tentang kisah kaum Ansar yang tinggal berjauhan dari masjid ingin berpindah hampir dengan masjid nabi di Madinah bertujuan agar mudah untuk solat berjemaah. Kemudian turun ayat 12 tersebut dan sabda Rasulullah S.A.W yang bermaksud bahawa setiap langkah orang-orang yang ke Masjid itu diberi pahala. Namun riwayat tersebut adalah hadis *Hasan Gharib* menurut al-Tirmidhi.<sup>21</sup>

#### 3.4.1.3 *Tafsir Bayḍāwī*<sup>22</sup>

Kitab *Tafsir Bayḍāwī* atau nama sebenarnya “*Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Ta’wī*”, ditulis oleh Naṣīr al-Dīn Abū Sa’id ‘Abd Allah bin ‘Umar bin Muḥammad ‘Alī al-Bayḍāwī al-Syāfi’iy. Beliau berasal dari negeri Parsi dan merupakan pengarang kitab terkenal di Azrabaijan serta dikenali sebagai seorang ulama’ yang wara’ dan kuat beribadat. Beliau juga merupakan antara pentafsir yang mementingkan tatabahasa Arab seperti *Nahw* dan *Sarf*.

---

<sup>20</sup> *Ibid*, h. 55-56, al-Khāzin (t.t), *Tafsīr al-Qur’ān al-Jalīl al-Musammā Lubāb al-Ta’wīl fī Ma’ān al-Tanzīl al-Khāzin*, j. 4. Mesir: Dār al-Kutub al-‘Arabīyah al-Kubrā, h. 4

<sup>21</sup> *Ibid*, h. 47; al-Khāzin, *ibid.*, h. 3

<sup>22</sup> ‘Abd Allah Abī ‘Umar bin Muḥammad bin ‘Alī al-Bayḍāwī (1996), *Tafsīr al-Bayḍāwī*, j. 1 Beirut : Dār al-Fikr

Kitab tafsir ini merupakan salah satu daripada karya terulung yang dihasilkan oleh al-Baydawi. Asas kepada tafsir ini adalah *Tafsīr al-Kasysyāf* yang dikarang oleh Abū al-Qāsim Jār Allah Maḥmūd bin ‘Umar al-Zamakhsyārī (m. 585 H)<sup>23</sup>, seorang yang berpegang kepada mazhab Mu’tazilah. Walaupun tafsir ini merupakan ringkasan kepada *Tafsīr al-Kasysyāf* tetapi al-Bayḍāwī meninggalkan hampir kebanyakan daripada fahaman *Mu’tazilah* yang terdapat dalam tafsir tersebut dengan mentarjihkan pandangan *Sunnah wa al-Jamaah*.<sup>24</sup> Kategori tafsir ini<sup>25</sup> adalah *tafsir bi al-ra’y* berdasarkan pendapat Dr. Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī dalam kitabnya *al-Tafsīr wa al-Mufasssīrūn*<sup>26</sup> serta imam al-Zarqānī pengarang kitab *Manāhil al-‘Irfān fī ‘Ulūm al-Qurān*.<sup>27</sup>

#### 3.4.1.4 *Tafsir al-Nasafī*

*Tafsir al-Nasafī* adalah sebuah kitab tafsir yang ditulis oleh Abū al-Barakāt, ‘Abd Allah bin Aḥmad bin Maḥmūd al-Nasafī yang wafat pada tahun 701 H. Seorang imam yang masyhur dalam bidang fiqh usul di zamannya. Kitab tafsir ini merupakan ringkasan tafsir dari kitab tafsir *al-Bayḍāwī* dan *al-Kasysyāf* karangan al-Zamakhsyārī. Walaupun imam al-Nasafī meringkaskan tafsirnya daripada *al-Kasysyāf*, namun beliau tidak terpengaruh dengan unsur-unsur Muktaẓilah yang terdapat dalam tafsir tersebut. Imam al-Nasafī amat mementingkan aspek *I’rāb*, *Qirā’āt*, *Balāghah* dan lain-lain lagi. Secara keseluruhannya,

<sup>23</sup> Seorang ilmuan dalam bidang Usuluddin dan Bahasa Arab khususnya ilmu *Balaghah* dan ilmu *Bayan*.

<sup>24</sup> Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī (2000), *op.cit*, h. 296-303

<sup>25</sup> Pandangan Dr. Muhammad al-Zuhayli pula mengatakan tafsir tersebut adalah gabungan antara tafsir dan *ta’wil* atau tafsir *bi al-ma’thur* dan tafsir *al-ra’y*. Lihat Muhammad al-Zuhayli (Dr.), (1988), *al-Qāḍī al-Bayḍāwī*, Damsyik : Dār al-Qalam, h. 133

<sup>26</sup> Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī (2000), *op.ci*, h. 296-303

<sup>27</sup> Muḥammad ‘Abd al-Azīm al-Zarqānī (1980), *Manāhil al-‘Irfān fī ‘Ulūm al-Quran*, Dār Ihya’ al-Kutub al-‘Arabiyyah j.2, h.67



kitab tafsir ini mempunyai keistimewaan tersendiri dengan gaya bahasa yang mudah difahami.<sup>28</sup>

Al-Marbawi merujuk kepada kitab tafsir ini ketika menghurai ayat 10, surah Yasin yang menyentuh tentang keingkaran orang-orang kafir terhadap peringatan Allah tentang azab Allah walaupun berulang kali diberi amaran namun mereka tetap tidak mahu beriman. Menurut al-Nasafi, terdapat tiga hikmah tujuan peringatan itu berulang kali diberi kepada mereka. Pertama, peringatan itu menjadi dalil dan hujjah di akhirat nanti tentang keingkaran orang-orang kafir semasa berada di dunia. Kedua, peringatan Allah itu hendaklah disampaikan kepada semua manusia dan ketiga, pahala bagi mereka yang menyampaikan suruhan Allah.<sup>29</sup>

#### 3.4.1.5 *Tafsir Jalālayn*

Kitab tafsir ini adalah hasil karya dua orang imam iaitu imam Jalāl al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad al-Maḥallī, seorang ulama' fekah bermazhab Syafi'i dan kedua adalah imam Jalāl al-Dīn 'Abd al-Raḥman al-Suyūṭī, seorang imam yang sangat masyhur.

Kitab tafsir ini amatlah ringkas dan mudah difahami kerana metode pentafsirannya menjurus ke arah maksud ayat tanpa membuat huraian dari segi nahu ataupun qiraat. Penulisan kitab tafsir tersebut dikatakan agak luar biasa kerana pengarang asalnya, imam Jalāl al-Dīn al-Maḥallī membahagikan al-Quran kepada dua bahagian iaitu bahagian

---

<sup>28</sup> Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī (2000), *op.cit*, h. 312-313

<sup>29</sup> Al-Marbawi (1964), *op.cit*, h. 35-37; al-Nasafī (t.t), *Tafsīr al-Nasafī* j. 4, Mesir: Dār Ihyā' al-Kutub al-'Arabiyyah h. 3

pertama adalah tafsiran surah *al-Fatihah* hinggalah surah *al-Isra'* manakala bahagian kedua pula adalah tafsiran surah *al-Kahf* hingga surah *al-Nas*.

Namun begitu, beliau hanya sempat mentafsirkan bahagian kedua dan surah al-Fatihah dalam bahagian pertama sebelum beliau kembali ke rahmatullah. Usaha beliau tersebut diteruskan dan disempurnakan pula oleh imam Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī atas permintaan ramai orang di zamannya.

Berikut adalah contoh rujukan al-Marbawi terhadap kitab tafsir ini:

1. Dalam huraian ayat 42, surah Yasin iaitu ayat yang menyentuh tentang perihal kenderaan yang diciptakan Allah, beliau telah merujuk kepada *Tafsīr Jalālayn*. Menurut tafsiran kitab tersebut kenderaan itu adalah bahtera seumpama bahtera nabi Nuh.<sup>30</sup>
2. Semasa menghurai ayat 13, surah Yasin iaitu ayat yang mengisahkan tentang suatu kejadian ketika utusan-utusan Allah (Rasul) datang ke sebuah kampung, beliau merujuk kepada tafsir ini khusus kepada perihal nama 'kampung' tersebut. Menurut *Tafsir Jalalayn*, 'kampung' tersebut bernama *Anṭākiyyah*.<sup>31</sup>

#### 3.4.1.6 *Tafsir Ibn 'Abbās*

*Tafsir Ibn Abbās* merupakan himpunan tafsir ayat-ayat al-Quran yang disandarkan kepada sepupu Rasulullah s.a.w iaitu 'Abd Allah bin 'Abbās bin 'Abd al-Muṭṭalib bin

---

<sup>30</sup> *Ibid.*, h. 131, al-Jalālayn (t.t), *Tafsir Jalālayn bi Hāmisy al-Mushaf al-Syarīf*, Beirut : Dār al-Ma'rifah, h. 581

<sup>31</sup> *Ibid.*, h. 54, al-Jalālayn, *ibid.*, h. 579

Hāsyim bin ‘Abd al-Manāf al-Qursyī al-Hāsyimī. Beliau terkenal dengan laqab *al-Ḥabr* dan *al-Baḥr* kerana banyaknya ilmu yang dimilikinya khususnya dalam fatwa dan tafsir.<sup>32</sup>

Kitab tafsir yang disandarkan kepada Ibn ‘Abbās atau nama lainnya dengan “*Tanwīr al-Miqbās min Tafsīr Ibn ‘Abbās*” ini dicetak di Mesir dan dikumpul himpunan tafsir tersebut oleh Abū Ṭāhir Muḥammad bin Ya‘qūb al-Fayrūz Abādī al-Syāfi‘ī pengarang kamus *al-Muḥīṭ*.<sup>33</sup>

Al-Marbawi dalam penulisan kitab tafsirnya menggunakan sumber rujukan muktabar dan terkenal. Kebanyakan rujukannya hampir sama dengan rujukan yang beliau gunakan dalam *Tafsir Quran Marbawi Juz Alif Lām Mīm*. Antara rujukan yang menyamai dengan rujukan tafsir sebelum ini ialah *Tafsīr Fakhr al-Rāzī*, *Tafsīr al-Khāzin* dan *Tafsīr al-Nasafī*. Sebagai tambahan, berikut adalah sumber rujukan lain yang digunakan al-Marbawi dalam kitabnya:

#### 3.4.1.7 *Tafsīr Qurtubī* atau *al-Jāmi’ li Ahkām al-Qurān*

Kitab tafsir ini dikategorikan sebagai tafsir al-Fuqaha’ yang membahaskan tentang hukum fiqh yang terkandung di dalam al-Quran. Nama pengarang kitab ini ialah Abū ‘Abd Allah Muḥammad bin Aḥmad bin Abī Bakr bin Farḥ al-Anṣārī al-Andalusī al-Qurtubī, seorang ulama’ tafsir bermazhab *Mālikī*. Beliau terkenal dengan sifat zuhud dan banyak menghabiskan masanya dengan beribadah kepada Allah serta menulis kitab-kitab sebagai

---

<sup>32</sup> Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī (2000), *op.cit.*, h. 70

<sup>33</sup> *Ibid.*, h. 87

panduan masyarakat di zamannya. Beliau meninggal dunia pada bulan Syawal tahun 671 H.<sup>34</sup>

Berikut adalah contoh-contoh rujukan al-Marbawi terhadap kitab *Tafsīr Qurtubī*.<sup>35</sup>

1. Semasa al-Marbawi menghurai ayat 47, surah Yasin, beliau telah merujuk kitab tafsir tersebut. Ayat tersebut menyentuh tentang keingkaran orang kafir terhadap suruhan Allah mendermakan sebahagian rezeki kepada fakir miskin. Beliau merujuk kepada tafsir tersebut apabila mengemukakan sebab turun ayat tersebut yang berbunyi “ Dikatakan bahawa semasa Abu Bakar al-Siddiq memberi makan kepada orang-orang miskin, beliau terserempak dengan Abu Jahal. Kata Abu Jahal: Hai Abu Bakar, tidak kah engkau berkata Allah berkuasa memberi makan kepada orang-orang tersebut? Jawab Abu Bakar : Ia berkuasa. Kata abu Jahal : Kenapa tuhan tidak memberi makan kepada mereka? Jawab Abu Bakar : Tuhan itu menguji sesuatu kaum dengan kemiskinan dan menguji kaum yang lain dengan kekayaan, maka disuruh mereka itu (miskin) bersabar... ”<sup>36</sup>
2. Begitu juga pada ayat 38, surah Yasin, beliau membawakan tafsiran Qurtubi bahawa matahari akan beredar pada kedudukannya sehinggalah datangnya hari Kiamat dan kedudukan matahari adalah berada di bawah arasy.<sup>37</sup>

---

<sup>34</sup> *Ibid.*, h. 493

<sup>35</sup> Contoh-contoh lain rujukan terhadap kitab tafsir ini boleh ditemui dalam *Tafsīr Qur'ān Marbawi Surah Yasin* halaman 70, h. 74, h. 57, h. 201, h. 204, h. 208, h. 214, h. 217, dan banyak lagi

<sup>36</sup> Al-Marbawi (1964), *op.cit.*, h. 147; al-Qurtubī (2006) *al-Jāmi' li Ahkām al-Qurān*, j. 17, c. 1. Beirut: Muassasah al-Risālah h. 457-458

<sup>37</sup> *Ibid.*, h. 110-111; al-Qurtubī, *ibid.*, h. 442-443

Kitab tafsir ini bukanlah tafsiran ayat al-Quran semata tetapi turut merangkumi perbincangan dari aspek hukum, *lughah*, *I'rab*, *Qira'at*, sebab penurunan ayat dan memuatkan perbincangan ulama' *khalaf* dan *salaf* pada ayat-ayat tertentu.

3.4.1.8 *Tafsīr Abū al-Su'ūd atau Irsyād al-'Aql al-Salīm ila Mazāya al-Kitāb al-Karīm*

Pengarang kitab ini ialah Abū al-Su'ūd Muḥammad bin Muḥammad bin Mustāfa al-'Imādi al-Ḥanafī. Beliau dilahirkan pada tahun 983 H di sebuah kampung berhampiran al-Qastantiniyyah dan meninggal dunia pada tahun 986 H. Imam Abū al-Su'ūd merupakan seorang ulama' yang sangat mencintai ilmu dan guru pertamanya adalah bapa beliau sendiri sebelum menuntut ilmu dari ulama'-ulama' yang masyhur di zamannya. Beliau sentiasa berhijrah dan merantau ke pelbagai tempat semata-mata untuk mempelajari ilmu sehinggalah beliau terkenal dalam bidang fatwa.<sup>38</sup>

Oleh kerana kesibukan beliau dengan mengajar dan mengeluarkan fatwa, beliau hanya sempat menulis sebuah karya dalam bidang tafsir yang dinamakan *Tafsīr Abū al-Su'ūd* atau *Irsyād al-'Aql al-Salīm ila Mazāya al-Kitāb al-Karīm*. Kitab tafsir tersebut mempunyai keistimewaan tersendiri di mana tafsiran beliau banyak menyingkap pelbagai rahsia yang terkandung di sebalik ayat-ayat al-Quran. Kehebatan beliau tidak dapat ditandingi oleh mana-mana para ilmuan di zamannya. Seperti kitab tafsir *turath* yang lain, beliau banyak meletakkan *hasyiah* dan *ta'liqat* dalam penulisannya. Perbincangan dari aspek *balaghah*, *I'jaz al-Quran* dan munasabat ayat menjadi keutamaan beliau manakala aspek

---

<sup>38</sup> Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī (2000), *op.cit.*, h. 353

peristiwa Isra'iliyat dan masalah *fiqh* amat sedikit dibahaskan. Kitab tafsir ini dikategorikan sebagai *tafsir bi al-ra'y al-ja'iz* oleh para ulama' tafsir.<sup>39</sup>

Penulis mendapati hanya satu tempat sahaja al-Marbawi merujuk kepada kitab tafsir ini iaitu ketika menghurai ayat 18 dan 19 surah Yasin. Ayat 18 menyentuh tentang kebodohan orang-orang jahil yang sentiasa menyalahkan orang-orang yang menyuruh mereka ke arah kebenaran apabila mereka ditimpa kesusahan yang berat manakala ayat 19 pula merupakan jawapan para Rasul kepada tuduhan orang-orang kafir bahawa kesusahan yang mereka hadapi itu bukanlah disebabkan dakwah kebenaran para Rasul tetapi disebabkan kekufuran mereka kepada Tuhan walaupun diberi peringatan berulang kali.<sup>40</sup>

#### 3.4.1.9 *Tafsīr al-Ṭabarī* atau *Jāmi' al-Bayan 'an Ta'wīl al-Quran*

Kitab ini ditulis oleh seorang ulama' tersohor dan menjadi rujukan utama ulama' tafsir. Beliau adalah Abū Ja'far Muḥammad bin Jarīr bin Zayd bin Kathīr bin Ghālib al-Ṭabarī. Beliau dilahirkan di Amal, Tabaristan pada tahun 224 H/839 M dan meninggal dunia pada tahun 310H/923M. Semasa hayatnya beliau banyak melakukan kembara ilmiah ke beberapa negeri antaranya Mesir, Syam, Iraq dan akhirnya menetap di Baghdad.<sup>41</sup> Imam al-Ṭabarī telah meninggalkan beberapa karya penulisan ulung dan masyhur, antaranya *Jāmi' al-Bayan 'an Ta'wīl al-Quran* dalam bidang tafsir dan *Kitab al-Qira'āt wa Tanzīl al-Qur'an* dalam bidang Qira'at sebelum meninggal dunia.

---

<sup>39</sup> *Ibid.*, h 354-360

<sup>40</sup> Al-Marbawi (1964), *op.cit.*, h. 71-73; Abū al-Su'ūd (t.t), *Tafsīr al-'Allāmah Abū al-Su'ūd*, j.4. Beirut: Dār al-Fikr, h. 380

<sup>41</sup> Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī (2000), *op.cit.*, h. 50

Antara contoh rujukan al-Marbawi dalam kitab tafsir ini adalah seperti berikut<sup>42</sup>:

1. Semasa beliau menghurai ayat 47, surah Yasin iaitu ayat yang menyentuh tentang keingkaran orang-orang kafir terhadap suruhan Allah agar menginfakkan sebahagian rezeki mereka, beliau telah merujuk kepada kitab tafsir ini pada persoalan 'sesat' itu ditujukan kepada orang kafir atau orang mukmin. Menurut Ibn Jarīr takwil terhadap perkataan sesat ada dua bentuk. Pertama kata-kata tersebut adalah kata-kata orang kafir yang ditujukan kepada orang-orang mukmin dan ini adalah takwil yang lebih kuat manakala takwil kedua pula adalah kata-kata sesat itu ditujukan Allah kepada orang-orang musyrik.<sup>43</sup>

2. Semasa beliau menghurai ayat 75, surah Yasin iaitu ayat yang menyentuh persoalan berhala-berhala yang disembah oleh orang-orang kafir akan menjadi tentera yang memerangi mereka kelak, beliau telah membawakan pandangan Ibn Jarīr melalui kitab tafsirnya. Ibn Jarīr menyatakan bahawa berhala-berhala yang disembah tersebut akan memerangi orang-orang kafir itu sendiri pada hari Kiamat.<sup>44</sup>

### 3.4.2 RUJUKAN HADIS

Al- Marbawi dalam penulisan kitab tafsirnya juga didapati memuatkan hadis-hadis nabi sebagai penguat kepada huraian isu-isu yang diketengahkan. Hadis-hadis tersebut disebut sumber ambilannya yang terdiri daripada kitab-kitab hadis utama dalam pengajian hadis. Antara rujukan tersebut adalah *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Sunan Abū Dāwūd*,

---

<sup>42</sup> Contoh-contoh lain boleh dilihat dalam Tafsīr Qur'ān Marbawi Surah Yasin halaman 188,198,200,206, 208,209 dan banyak lagi

<sup>43</sup> Al-Marbawi (1964),*op.ci*, h. 146; Abū Ja'far Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī (1968), *Jāmi' al-Bayan 'an Ta'wīl al-Quran*, j. 22, c. 3. Mesir : Matba'ah Mustāfa al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlāduhu, h. 12

<sup>44</sup> *Ibid*, h. 208; al-Ṭabarī, *ibid.*, h. 29

*Sunan al-Tirmidhī, Sunan al-Nasā'ī, Sunan Ibn Majah, Musnad Aḥmad* dan *Sunan al-Bayhaqī*. Setiap rujukan tersebut akan disertakan riwayat ringkas pengarang kitab dan disusuli dengan contoh-contoh hadis yang dirujuk oleh al-Marbawi.

#### 3.4.2.1 *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*

Pengarang kitab ini adalah Muḥammad bin Ismā'īl bin Ibrāhīm bin al-Mughīrah. Beliau merupakan seorang ahli hadis pada zamannya dan terkehadapan dalam bidang ini berbanding dengan ahli hadis yang lain. Beliau dilahirkan pada tahun 194 H/ 810 M di Bukhāra dan mula menghafal hadis-hadis sejak berumur 10 tahun. Sepanjang hayatnya, beliau telah mengembara ke beberapa buah negeri bertujuan mencari dan menghafal hadis-hadis daripada para ulama' hadis yang terkenal pada ketika itu. Antara negeri-negeri yang di ziarahinya ialah Syam, Mesir, Jazirah Arab, Basrah, Hijaz, Kufah dan Baghdad. Selain daripada mengarang kitab ini, beliau turut menulis kitab *Tārīkh al-Kabīr, al-Awsaṭ* dan *al-Saghīr, Kitāb al-Adab al-Mufrad, Kitāb al-Du'afā'* dan banyak lagi. Beliau meninggal dunia di Khartank, Samarkand ketika berusia 62 tahun.<sup>45</sup>

Berikut adalah contoh-contoh rujukan al-Marbawi dalam kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*.

1. Pahala solat fajar berjemaah<sup>46</sup>
2. Larangan menzalimi sesama muslim<sup>47</sup>
3. Kurma umpama orang Islam<sup>48</sup>

<sup>45</sup> Muḥammad Abū Zahw (1984), *al-Hadīth wa al-Muḥaddithūm*, Beirut : Dār al-Kitāb al-'Arabī, ḥ. 353-355

<sup>46</sup> Al-Marbawi (1964), *op.cit.*,h. 47 dalam 'Masalah 126'; Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhārī ( 1979 /1400 H), *al-Jami' al-Sahih, "Kitāb al-Adhān"*,no.hadis 648-651 j. 1,c.1. Kaherah : al-Matba'ah al-Salafīyyah h. 217

<sup>47</sup> *Ibid.*,h. 49, dalam 'Masalah 130'; *ibid*, no 4651,Juz 12, h. 427

<sup>48</sup> *Ibid.*, h. 99, dalam 'Masalah 257'; *ibid*, "Kitāb al-'Ilm", no hadis 62, j.1, h. 38



### 3.4.2.2 *Ṣaḥīḥ Muslim*

Kitab ini ditulis oleh imam Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim al-Qusyayrī. Beliau dilahirkan di Nīsābūr pada tahun 204 H. Sejak kecil beliau telah mula mencari hadis-hadis di kebanyakan tempat seperti Iraq, Hijaz, Syam, Mesir dan menjadikan guru-guru kepada imam al-Bukhari sebagai gurunya.<sup>49</sup> Antara ilmuan yang meriwayatkan hadis darinya adalah Abū Ḥātim al-Rāzī, Mūsa bin Hārūn, Aḥmad bin Salmah, al-Tirmidhī dan banyak lagi. Selain daripada menulis kitab *Ṣaḥīḥ Muslim*, beliau juga mengarang beberapa buah kitab yang lain dan terkenal seperti kitab *al-Musnad al-Kabīr ‘ala Asmā’ al-Rijāl*, kitab *al-Jāmi’ al-Kabīr ‘ala al-Abwāb*, kitab *al-‘ilal*, *Kitab Awham al-Muḥaddithīn* dan banyak lagi. Imam Muslim meninggal dunia di Nīsābūr pada 261 H.<sup>50</sup>

Al-Marbawi merujuk kepada kitab ini lebih kerap berbanding kitab-kitab hadis yang lain. Berikut adalah contoh-contoh rujukan beliau terhadap kitab tersebut:

1. Galakan bersedekah walaupun dengan sebiji tamar<sup>51</sup>
2. Kedudukan matahari di bawah *Arasy* Allah<sup>52</sup>
3. Pahala ke masjid<sup>53</sup>
4. Orang mukmin ibarat kurma<sup>54</sup>

---

<sup>49</sup> Muḥammad Abū Zahw (1984), *op.cit.*, h. 356-357

<sup>50</sup> Muḥyi al-Dīn al-Nawawī (2000), *Ṣaḥīḥ Muslim bi Syarḥ al-Imām Muḥy al-Dīn al-Nawawī al-Musamma al-Minhāj*, j. 1-2, c. 3, h. 69-80

<sup>51</sup> Hadis dalam ‘Masalah 120’ . Al-Marbawi (1964), *op.cit.*, h. 44; ‘Abd al-Rahmān ibn Abī Bakr al-Suyūfī (1996), *al-Dībāj ‘ala Ṣaḥīḥ Muslim ibn al-Ḥajjāj*; ‘*Kitāb al-Zakāh*’ no hadis 1016, j. 3, c. 1. Arab Saudi: Dār ibn al- ‘Affān, h. 89

<sup>52</sup> *Ibid.*, h. 111; *ibid.*, ‘*Kitāb al-Iman*’, no hadis 251, j. 1, h. 251,

<sup>53</sup> *Ibid.*, h. 47; *ibid.*, ‘*Kitāb al-Masājid wa Mawāḍi‘u al-Ṣalāh*’, no hadis 663, j. 2, h. 303

<sup>54</sup> *Ibid.*, h. 99; *ibid.*, ‘*Kitāb Sifah al-Qiyāmah wa al-Jannah wa al-Nār*’ no hadis 2811, j. 6 h. 163

5. Kelebihan *nasab* nabi<sup>55</sup>
6. Pahala memberi tunjuk ajar ke arah kebaikan<sup>56</sup>
7. Menyeru ke arah kebaikan atau kejahatan mendapat balasan<sup>57</sup>

#### 3.4.2.3 *Sunan Abū Dāwūd*

Pengarang kitab ini adalah Sulaymān bin al-Asy'ath bin Ishak bin al-Azadīy al-Sijistānī. Beliau telah dilahirkan pada tahun 202 H. Beliau banyak mengembara demi menuntut ilmu di beberapa buah negeri seperti Iraq, Syam, Mesir dan Khurasan. Guru-guru beliau juga adalah terdiri daripada guru-guru kepada imam al-Bukhāri dan imam Muslim seperti Aḥmad bin Hanbal, 'Uthmān bin Abī Syaybah, Qutaybah bin Sa'īd dan ramai lagi. Para ulamak menyifatkan beliau sebagai seorang yang memiliki daya ingatan yang kuat, ilmu yang banyak, wara' dan amat memahami dalam ilmu hadis serta penghafaz hadis-hadis Rasulullah s.a.w. Sepanjang hayatnya beliau banyak mengarang pelbagai kitab lain selain dari *Sunan Abū Dāwūd*. Beliau meninggal dunia di Basrah pada tahun 275 H<sup>58</sup>.

Al-Marbawi didapati tidak banyak menggunakan kitab sunan ini sebagai rujukan hadis. Hanya dua tempat sahaja ditemui penggunaannya iaitu:

1. Pahala menyeru orang membuat kebajikan<sup>59</sup>
2. Bacaan Yasin ketika nazak<sup>60</sup>

<sup>55</sup> *Ibid.*, h. 30; *ibid.*, “*Kitāb al-Faḍā'il*”, no hadis 2276, j. 5, h. 297

<sup>56</sup> *Ibid.*, h. 77; *ibid.*, “*Kitāb al-Imārah*”, no hadis 1893, j. 4, h.489

<sup>57</sup> *Ibid.*, h. 77; *ibid.*, “*Kitāb al-'Ilm*”, j. 6, h. 31

<sup>58</sup> Muḥammad Abū Zahw (1984), *op.cit.*, h. 359

<sup>59</sup> Al-Marbawi (1964, *op.cit.*, h. 77; Abū Dāwūd Sulaymān bin al-Asy'ath al-Sijistānī al-Azadīy (1997), *Sunan Abū Dāwūd*, “*Kitāb al-Adab*”, no hadis 5129, j. 5, c. 1. Beirut : Dar Ibn Hazm, h. 217

<sup>60</sup> *Ibid.*, h. 26; *Ibid.*, “*Kitāb al-Janā'iz*”, no hadis 3121, j. 3, h. 320

#### 3.4.2.4 *Ṣaḥīḥ al-Tirmidhī*

Pengarang kitab ini ialah Muḥammad bin ‘Īsa bin Sawrah al-Tirmidhī dan lebih dikenali dengan Abū ‘Īsa. Beliau dilahirkan pada tahun 209 H di Tirmidh. Beliau mengambil hadis dari ramai ilmuan hadis seperti al-Bukhārī, Muslim, Qutaybah bin Sa‘īd, Ishaq bin Mūsa, Maḥmūd bin Ghaylān dan ramai lagi. Antara murid-murid beliau yang mengambil hadis darinya adalah al-Haitham bin Kālīb, Muḥammad bin al-Mundhir dan Muḥammad bin Aḥmad bin Maḥbūb al-Mahbūbī. Beliau telah banyak merantau untuk mempelajari ilmu hadis seperti Khurasan, Hijaz dan Iraq. Antara karya-karya lain yang ditulis semasa hayatnya adalah kitab *al-Asmā’ wa al-Kuna*, kitab *al-Syamā’il*, kitab *al-‘Ilal*, kitab *Zuhd*, dan banyak lagi. Beliau telah meninggal dunia di Tirmidh pada tahun 279 H.<sup>61</sup> Berikut adalah contoh rujukan hadis terhadap kitab ini :

1. Kisah Bani Salamah berpindah berhampiran masjid.<sup>62</sup>
2. Solat adalah nikmat yang besar<sup>63</sup>
3. Pahala membuat kebajikan<sup>64</sup>
4. Kelebihan membaca surah Yasin<sup>65</sup>

#### 3.4.2.5 *Sunan Ibn Majah*

Pengarang kitab ini ialah Abū ‘Abd Allah Muḥammad bin Yazīd bin ‘Abd Allah bin

---

<sup>61</sup> Muḥammad Abū Zahw (1984), *op.cit.*, h. 360

<sup>62</sup> Al-Marbawi (1964), *op.cit.*, h. 47; Abū ‘Īsa Muḥammad bin ‘Īsa bin Sawrah (1975), *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ wa huwa Sunan al-Tirmidhī*, “*Kitāb Tafsīr al-Qur’ān*”, no hadis 3226, j. 5, c. 2. Mesir : Matba‘ah Mustafa al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlāduhu h. 363

<sup>63</sup> *Ibid.*, h. 105; *ibid.*, “*Kitāb al-‘Ilm*”, no hadis 2671, h. 41

<sup>64</sup> *Ibid.*, h. 77; *ibid.*, “*Kitāb al-Ṣalāh*”, no hadis 412, j. 2, h. 268

<sup>65</sup> *Ibid.*, h. 24 & 244; *ibid.*, “*Kitāb Faḍā’il al-Qur’ān*”, no hadis 2887, j.5, h. 162

Mājah al-Qazwīnī. Beliau dilahirkan pada tahun 209 H. Beliau banyak melakukan rehlah ilmiah bagi mempelajari ilmu hadis di beberapa tempat masyhur seperti al-Ray, Basrah, Kufah, Baghdad, Syam, Mesir dan Hijaz. Antara guru-gurunya yang terkenal ialah Abū Bakr bin Abū Syaybah manakala murid-muridnya pula terdiri daripada Muḥammad bin ‘Īsa al-Safar, Ishak bin Muḥammad, ‘Alī bin Ibrāhīm bin Salmah al-Qaṭṭan, Sulaymān bin Yazīd dan ramai lagi. Beliau meninggal dunia pada tahun 273 H.<sup>66</sup>

Penggunaan hadis dari kitab sunan ini ditemui hanya pada satu tempat sahaja. Hadis tersebut adalah berkaitan dengan bacaan Yasin ketika seseorang sedang nazak.<sup>67</sup> Selain dari itu, penulis tidak menemui mana-mana tempat dalam kitab tafsir tersebut.

### 3.5 KESIMPULAN

Berdasarkan kajian yang dilakukan ke atas kedua-dua buah *Tafsir Quran Marbawi* tersebut, beberapa kesimpulan diperolehi. Kedua-dua buah kitab tafsir tersebut masing-masing mempunyai metode persembahannya tersendiri namun tetap diwarnai dengan metode persembahan kitab-kitab *turath* Arab memandangkan beliau sepanjang hayatnya berada di Mesir yang sentiasa dikelilingi dengan kitab-kitab *turath* tersebut yang amat penting dalam dunia pengajian Islam. Sungguhpun begitu, yang penting di sini adalah isi kandungan kedua-dua buah kitab tafsir tersebut dan kajian mendapati ia amat sesuai dibaca oleh setiap generasi umat Islam. Walaupun penggunaan bahasanya adalah bahasa Melayu lama, ia bukanlah menjadi suatu alasan bagi seorang pencinta ilmu pengajian Islam.

---

<sup>66</sup> Muḥammad Abū Zahw (1984), *op.cit.*, h. 361-362

<sup>67</sup> Al-Marbawi (1964), *op.cit.*, h. 26, Abū ‘Abd Allah Muḥammad bin Yazīd bin ‘Abd Allah bin Mājah al-Qazwīnī (t.t), *Sunan Ibn Mājah*, “*Kitab al-Jana’iz*”, no hadis 1448, c. 1. Riyāḍ : Maktabah al-Ma‘ārif, h. 257. Hadis tersebut turut dikeluarkan oleh *Musnad Ahmad* dan *Sunan al-Bayḥaqī*

Penelitian terhadap sumber-sumber rujukan yang dijadikan sandaran al-Marbawi juga dapat disimpulkan bahawa beliau amat mengagumi dan menghargai hasil karya tokoh-tokoh *mufassir* dan *muhaddith* sehingga menjadikan kitab-kitab karangan mereka sebagai asas penulisan kitab tafsir beliau sendiri. Karya-karya seperti *Tafsīr al-Kabīr*, *Tafsīr Qurṭubī* dan *Tafsīr al-Ṭabarī* dilihat sebagai rujukan utama penulisan tafsir beliau berbanding kitab-kitab tafsir yang lain manakala *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Ṣaḥīḥ Muslim* dan *Sunan al-Tirmidhī* pula menjadi sumber utama pengambilan hadis selain daripada *Sunan Ibn Mājah* dan *Sunan Abū Dāwūd* untuk melengkapkan lagi pentafsiran terhadap ayat-ayat al-Quran.